

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID  
[HULU TERENGGANU - PPBM ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perbelanjaan pengurusan pasukan-pasukan bola sepak dan jumlah geran tahunan yang diberikan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) kepada persatuan-persatuan negeri dan kelab sejak tahun 2001 hingga sekarang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- Untuk makluman Ahli yang Berhormat, pengurusan dan pembangunan sukan bola sepak negara adalah di bawah tanggungjawab Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM). Manakala, perbelanjaan pengurusan pasukan bola sepak negeri dan kelab adalah dibawah tanggungjawab Persatuan Bola Sepak Negeri dan Kelab itu sendiri bersama FAM.
- FAM menyalurkan geran kepada Persatuan Sukan Negeri dan Kelab bagi memastikan pembangunan dijalankan secara menyeluruh. Geran yang diberikan adalah untuk pasukan dan kelab yang bersaing dalam Liga Super dan Liga Premier.

No	Tahun	Liga Super		Liga Premier	
		Negeri	Kelab	Negeri	Kelab
1.	Sebelum 2014	RM250,000.00	RM75,000.00	RM150,000.00	RM50,000.00
2.	2015	RM500,000.00	RM150,000.00	RM300,000.00	RM100,000.00

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Malaysia Football League* (MFL) sebuah badan bebas yang telah mengambil alih Liga Malaysia daripada Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) bermula tahun 2016 dan ia dilihatkan sebagai satu langkah yang baik untuk mem profesionalkan Liga Malaysia. MFL telah memberikan geran sebanyak RM1 juta bagi pasukan yang bersaing dalam Liga Super manakala RM500,000.00 kepada pasukan yang bersaing dalam Liga Perdana.
4. Malah, jumlah geran ini dipertingkatkan lagi oleh MFL bermula tahun 2018 dimana sebanyak RM3 juta diberikan kepada pasukan Liga Super manakala RM1 juta kepada pasukan Liga Premier. Kedua-dua liga ini mempunyai 12 pasukan yang akan bersaing bagi mempamerkan aksi terbaik mereka.

Sekian, terima kasih.